

Dana BNM untuk PKS: Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (Targeted Relief and Recovery Facility, TRRF)

Objektif

Menyediakan bantuan dan sokongan pemulihan untuk PKS dalam sektor perkhidmatan yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan sejak bulan Jun 2020

Ciri-ciri Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Bersasar (TRRF)

Kriteria kelayakan	PKS* dalam sektor perkhidmatan yang terjejas berikutan pelaksanaan semula langkah-langkah pembendungan COVID-19 sejak bulan Jun 2020 (kecuali subsektor berkaitan dengan pelancongan) seperti: a) Perkhidmatan peribadi (cth. membaiki komputer/ barangan isi rumah, dobi, dandan rambut, kecantikan) b) Aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman c) Aktiviti kesihatan manusia dan kerja sosial d) Seni, hiburan dan rekreasi e) Perdagangan borong dan runcit f) Perkhidmatan perniagaan (cth. aktiviti profesional, saintifik dan teknikal; pentadbiran dan aktiviti perkhidmatan sokongan) Nota: Penerima Kemudahan Bantuan Khas (<i>Special Relief Facility</i>, SRF) dan Pembiayaan PKS PENJANA (<i>PENJANA SME Financing</i>, PSF) layak untuk memohon TRRF sehingga had agregat sebanyak RM500,000 bagi setiap PKS
Tujuan pembiayaan	Hanya untuk modal kerja
Saiz pembiayaan	- PKS: Sehingga RM500,000 ribu bagi setiap PKS - Perusahaan mikro: Sehingga RM75,000 ribu bagi setiap perusahaan mikro Nota: Had pembiayaan yang dinyatakan di atas akan dikenakan ke atas syarikat sekutu PKS tersebut yang mempunyai pemegangan saham bersama lebih daripada 20%
Kadar faedah pembiayaan untuk PKS	Sehingga 3.5% setahun, termasuk fi jaminan
Tempoh	Sehingga 7 tahun, termasuk tempoh moratorium sekurang-kurangnya selama 6 bulan
Perlindungan jaminan	- PKS: 80% (fi jaminan sebanyak 0.5% setahun) - Tidak diwajibkan kepada institusi kewangan peserta - Mikro enterpris: 90% (fi jaminan sebanyak 0.5% setahun) Institusi kewangan peserta boleh mendapatkan perlindungan jaminan daripada Credit Guarantee Corporation (CGC)/ Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan (SJPP).
Prosedur permohonan	Hantar permohonan terus kepada institusi kewangan peserta dan kelulusan tertakluk pada penilaian kredit institusi kewangan peserta.
Tempoh tamat permohonan	Sehingga 31 Disember 2021 atau setelah peruntukan habis digunakan (mana yang lebih awal)

* Berdasarkan definisi PKS yang diluluskan oleh Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK).

Untuk
maklumat lanjut



Hubungi pusat khidmat pelanggan institusi kewangan peserta



Layari laman sesawang institusi kewangan peserta



www.bnm.gov.my/covid19

BNM eLINK: bnm.my/LINK

Inisiatif:



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Penyedia jaminan kredit:



SJPP